



PERATURAN 2.0 2025 (PINDAAN)

PENGURUSAN BADAN KHAIRAT MASJID NURUL IMAN KARIAH KAMPUNG GEBOK, MANTIN, NEGERI SEMBILAN

A. PENGERTIAN KHAIRAT

1. **KHAIRAT** adalah perkataan Arab yang bermaksud “kebajikan” yang merangkumi derma, sedekah atau sumbangan ikhlas. **KHAIRAT KEMATIAN** boleh diertikan sebagai satu tabung kebajikan pengurusan kematian dengan sumber pembiayaannya adalah dari caruman, infaq dan sumbangan ikhlas (At-tabarru’at) dari ahli-ahli badan khairat kematian.
2. Berkonsepkan Takaful (dari perkataan Arab, “al-kafala” yang bermaksud ‘saling jamin menjamin’) selari dengan prinsip ta’awun iaitu tolong menolong di kalangan ahli-ahli khairat kematian. Bersama membantu antara satu sama lain adalah perkara yang terpuji dalam Islam seperti mana yang difirman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu tolong menolong di atas perkara kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong menolong di atas perkara dosa dan permusuhan.”

B. OBJEKTIF PENUBUHAN BADAN KHAIRAT DAN LIPUTAN

3. **BADAN KHAIRAT MASJID NURUL IMAN** (selepas ini disebut sebagai “**BKM**”) dan di bawahnya **BADAN KHAIRAT LAGENDA** (selepas ini disebut sebagai “**BKL**”) ditubuhkan pertamanya bagi melaksana fardhu kifayah mengurus jenazah (sama ada ahli atau bukan ahli BKM dan BKL).
4. Objektif kedua BKM adalah mengumpul, mengurus dan mengembangkan caruman, infaq dan sumbangan ikhlas ahli supaya apabila berlaku sesuatu kematian, bantuan kewangan dapat segera dihulurkan bagi menampung kos pengurusan jenazah, sebahagian atau sepenuhnya, bagi **AHLI BERDAFTAR** dan **TANGGUNGAN** (selepas ini disebut juga “**AHLI BERSEKUTU**”) dari kalangan **(I) WARGANEGARA MALAYSIA YANG MENETAP DI KARIAH KAMPUNG GEBOK YANG MEMPUNYAI KAD PENGENALAN MYKAD WARGANEGARA YANG BERWARNA BIRU**

**ATAU (II) PEMUSTAUTIN TETAP YANG MENETAP DALAM KARIAH KAMPUNG GEBOK YANG
MEMPUNYAI KAD PENGENALAN PEMASTAUTIN TETAP MYPR YANG BERWARNA MERAH
ATAU (III) ANAK-ANAK AHLI BERSEKUTU WARGANEGARA MALAYSIA YANG MENETAP DI
LUAR KARIAH KAMPUNG GEBOK YANG MEMPUNYAI KAD PENGENALAN MYKAD
WARGANEGARA YANG BERWARNA BIRU DAN KESEMUA DALAM KATEGORI (I), (II) DAN (III)**

HENDAKLAH BERUMUR LAPAN BELAS TAHUN (18) DAN KE ATAS dalam kluster-kluster berikut:

- (i) Kluster A: **KAMPUNG GEBOK** termasuk College Heights Garden Resort, Pekan Pajam, Taman Kayangan Pelangi Heights, Staffield Country & Golf Resort dan taman-taman lain yang tidak diliputi oleh mana-mana kluster di bawah serta tidak juga diliputi oleh Badan Khairat Taman Mulia dan Badan Khairat Desa Pinggiran Bayu;
- (ii) Kluster B: **BAYU LAKEHOMES;**
- (iii) Kluster C: **TAMAN SURIAN;**
- (iv) Kluster D: **SRI PALMA VILLA;**
- (v) Kluster E: **SRI JASMIN APARTMENT;**
- (vi) Kluster F: **DAMAI RIA APARTMENT** termasuk Sri Sena Apartment, Sri Inai Apartment, Sri Pulai Apartment dan kelompok Apartment lain dalam Bandar Universiti Teknologi Lagenda.

5. Selain daripada itu, BKM juga menghulurkan bantuan, jika berlaku kematian dan jika diperlukan, di kalangan ahli dan bukan ahli Badan Khairat Taman Mulia dan Badan Khairat Desa Pinggiran Bayu khususnya dalam hal ehwal melulus permohonan menggunakan tanah perkuburan di bawah pentadbiran Masjid Nurul Iman, termasuk Tanah Perkuburan Islam Batu 12, Tanah Perkuburan Islam Batu 13 dan Tanah Perkuburan Islam Bayu Lakehomes (setelah dibuka kelak).

C. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BADAN KHAIRAT

6. Pengurusan BKM adalah tertakluk di bawah pentadbiran **AHLI JAWATANKUASA KARIAH MASJID NURUL IMAN** (selepas ini disebut “**AJK-MNI**”) melalui Biro Khairat dan Pengurusan Kematian serta Biro Prasarana & Pusara.

7. Ahli Jawatankuasa BKM (selepas ini disebut “**AJK BKM**”) terdiri dan dipilih dari kalangan AJK-MNI:

Jawatan BKM	Jawatan MNI
(i) Pengerusi	Pengerusi
(ii) Setiausaha	Setiausaha
(iii) Timbalan Setiausaha	Bendahari
(iv) Bendahari	Ketua Biro Khairat & Pengurusan Kematian
(v) Timbalan Bendahari	Ketua Biro Prasarana & Pusara
(vi) Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa
(vii) Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa

8. AJK Induk BKM juga dibantu AJK Kluster BKM yang terdiri dari **DUA (2)** orang wakil dari setiap kluster yang disenaraikan dalam Perenggan 4(i) hingga 4(vi) di atas yang masing-masing merupakan **AJK SURAU** atau **AJK PERSATUAN PENDUDUK** atau mana-mana individu yang diwakilkan oleh surau atau penduduk setiap kluster.
9. Tempoh lantikan AJK BKM dan AJK Kluster BKM adalah juga selari dengan tempoh lantikan AJK MNI oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di bawah seksyen 100(1) dan 104(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan).

D. SYARAT AM KEAHLIAN BADAN KHAIRAT

10. Permohonan untuk menyertai BKM dan BKL hanya boleh dibuat melalui portal <https://www.e-khairat.com/masjidnuruliman/home> pada bila-bila masa tanpa ada kekangan tempoh had masa dan hendaklah di buat secara *in good faith* iaitu secara jujur tanpa ada niat menyeleweng atau mengambil kesempatan ke atas penyertaan yang boleh di buat bila-bila masa.
11. **YURAN PENDAFTARAN** untuk ahli baharu adalah sebanyak **RINGGIT DUA PULUH EMPAT SAHAJA** (RM24.00) dan **SUMBANGAN KHAIRAT** adalah sebanyak **RINGGIT LIMA PULUH SAHAJA** (RM50.00) bagi setiap tahun Masihi tanpa mengambil kira bila pemohonan penyertaan dibuat dan diluluskan oleh BKM **sehingga 31 Disember 2027**.
12. **MULAI 1 JANUARI 2028 YURAN PENDAFTARAN** untuk ahli baharu adalah sebanyak **RINGGIT LIMA PULUH SAHAJA** (RM50.00) dan **SUMBANGAN KHAIRAT** adalah sebanyak **RINGGIT**

ENAM PULUH SAHAJA (RM60.00) bagi setiap tahun Masihi tanpa mengambil kira bila pemohonan penyertaan dibuat dan diluluskan oleh BKM.

13. **TEMPOH BERTENANG ATAU COOLING-OFF PERIOD ADALAH SELAMA TIGA (3) BULAN** daripada tarikh penerimaan pembayaran **YURAN PENDAFTARAN** dan **SUMBANGAN KHAIRAT** yang dibuat melalui portal <https://www.e-khairat.com/masjidnuruliman/home> atau pemindahan bank secara dalam talian atau melalui ATM / CDM oleh **AHLI BERDAFTAR** sendiri atau pihak lain tanpa mengira tarikh borang penyertaan diproses.
14. **BERKUATKUASA 2 MEI 2025, sekiranya berlaku kematian, AHLI BERDAFTAR atau AHLI BERSEKUTU layak menerima MANFAAT KHAIRAT yang bernilai RINGGIT SATU RIBU DUA RATUS RATUS SAHAJA (RM1,200.00) yang akan digunakan untuk menampung belanja pengurusan jenazah dalam Kariah Kampung Gebok.**
15. Sekiranya waris memilih untuk mengurus sendiri jenazah di luar Kariah Kampung Gebok, **AHLI BERDAFTAR** atau **AHLI BERSEKUTU** masih layak untuk menerima **MANFAAT KHAIRAT** yang bernilai **RINGGIT SATU RIBU DUA RATUS RATUS SAHAJA (RM1,200.00)**.
16. Sekiranya berlaku kematian dalam tempoh bertenang **TIGA (3) BULAN, AHLI BERDAFTAR atau AHLI BERSEKUTU** hanya layak menerima **PERATUS LIMA PULUH SAHAJA (50%) MANFAAT KHAIRAT** yang bersamaan **RINGGIT ENAM RATUS SAHAJA (RM600.00)**.
17. **Keahlian BKM dan BKL akan tamat secara automatik jika AHLI BERDAFTAR gagal dan tidak menunjukkan minat untuk melunaskan SUMBANGAN KHAIRAT DALAM TAHUN SEMASA mengikut kalendar Masihi (1 Januri - 31 Disember).**
18. **AHLI BERDAFTAR** yang keahliannya terlucut disebabkan kegagalan menjelaskan **SUMBANGAN KHAIRAT** boleh membuat permohonan baharu dengan membayar **YURAN PENDAFTARAN** sebanyak **RINGGIT LIMA PULUH SAHAJA (RM50.00), SUMBANGAN KHAIRAT** pada kadar yang dinyatakan dalam Perenggan 11 dan Perenggan 12, serta **KESELURUHAN SUMBANGAN KHAIRAT YANG TERTUNGGAK** dan perlu mematuhi semula **TEMPOH BERTENANG** yang sama seperti dinyatakan dalam Perenggan 13.
19. **SEKIRANYA BERLAKU KEMATIAN DI KALANGAN AHLI BERDAFTAR atau AHLI BERSEKUTU,** dalam keadaan di mana **SUMBANGAN KHAIRAT** belum dijelaskan, maka keseluruhan amaun tertunggak akan dipotong daripada **MANFAAT KHAIRAT**.

E. KELAYAKAN PENAMAAN AHLI BERDAFTAR DAN AHLI BERSEKUTU BADAN KHAIRAT

20. Penama Badan Khairat yang layak untuk disenaraikan dalam borang penyertaan adalah seperti berikut:
- (i) Pemohon – secara automatik sebagai **AHLI BERDAFTAR**;
 - (ii) Pasangan pemohon – suami atau isteri pemohon yang sah dan berdaftar yang tinggal bersama dalam satu rumah dengan pemohon sebagai **AHLI BERSEKUTU**;
 - (iii) **ANAK-ANAK YANG BELUM BERKAHWIN** termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah dan berdaftar, sama ada tinggal bersama atau tidak dalam satu rumah dengan pemohon sebagai **AHLI BERSEKUTU**;
 - (iv) Ibu kandung, bapa kandung, ibu tiri, bapa tiri, ibu mertua, bapa mertua yang tinggal bersama dalam satu rumah dengan pemohon dan **DALAM TANGGUNGAN AHLI BERDAFTAR** sebagai **AHLI BERSEKUTU**; dan
 - (v) Nenek, datuk, nenek mertua, datuk mertua yang tinggal bersama dalam satu rumah dengan pemohon dan **DALAM TANGGUNGAN AHLI BERDAFTAR** sebagai **AHLI BERSEKUTU**.
21. Ahli keluarga selain dari dinyatakan dalam Perenggan 20 di atas adalah **TIDAK LAYAK DILETAK SEBAGAI AHLI BERSEKUTU** termasuk seperti yang disenaraikan di bawah:
- (i) **ADIK-BERADIK AHLI BERDAFTAR** atau adik beradik pasangan pemohon sebagai **AHLI BERSEKUTU** walaupun tinggal bersama dalam satu rumah dengan **AHLI BERDAFTAR**; dan
 - (ii) **ANAK-ANAK AHLI BERDAFTAR YANG TELAH BERKAHWIN DAN JIKA KEMUDIANNYA BERPISAH WALAUPUN TINGGAL BERSAMA DALAM SATU RUMAH DENGAN AHLI BERDAFTAR.**
22. Untuk ahli keluarga yang disenaraikan di Perenggan 21 di atas permohonan penyertaan keahlian **BKM** atau **BKL** hendak **DIBUAT SECARA BERASINGAN**.
23. **PENAMBAHAN AHLI BERSEKUTU BAHARU** yang layak seperti mana yang disenarai dalam Perenggan 20 di atas boleh dibuat bila-bila masa selepas pendaftaran tetapi temaktub kepada **TEMPOH BERTENANG** yang sama selama **TIGA BULAN (3)** daripada tarikh nama **AHLI BERSEKUTU** didaftarkan dan diluluskan oleh **AJK-BKM**.

24. **AJK-BKM** diberi kuasa penuh memutuskan sama ada permohonan pendaftaran **AHLI BERDAFTAR, AHLI BERSEKUTU** atau penambahan **AHLI BERSEKUTU** layak dipertimbang dan diterima.
25. **AHLI BERDAFTAR** dikehendaki sentiasa mengemaskini maklumat keahlian BKM melalui portal <https://www.e-khairat.com/masjidnuruliman/home> jika terdapat perubahan penting termasuk alamat, nombor telefon, penambahan tanggungan, perubahan taraf perkahwinan anak (gugur keahlian secara automatik jika berkahwin dan anak perlu membuat permohonan keahlian berasingan), perpindahan atau menarik diri dari keahlian BKM atas apa-apa alasan dan sebab musabab.
26. Jika terdapat sebarang perubahan maklumat keahlian atau kemosykilan sila hubungi mana-mana AJK-BKM supaya tidak timbul sebarang kesulitan atau perbalahan apabila berlaku kematian dan tuntutan **MANFAAT KHAIRAT** kelak.

F. PENGURUSAN KEWANGAN BKM

27. Jurubank BKM adalah **BANK ISLAM** di mana segala **SUMBANGAN KHAIRAT AHLI BERDAFTAR** disalurkan dan **MANFAAT KHAIRAT** bagi menampung kos pengurusan jenazah **AHLI BERDAFTAR** atau **AHLI BERSEKUTU** dikeluarkan melalui **AKAUN SEMASA QARD BERNOMBOR 0501-2010-1002-35**.
28. **PENANDATANGAN DIBENARKAN** atau *authorized signatories* kepada Akaun BKM adalah **PENGERUSI, SETIAUSAHA DAN BENDAHARI**.
29. **PENANDATANGAN DIBENARKAN** diberikan mandat penuh untuk mengurus dana **BKM** dan mengembangkannya berlandaskan **SYARIAH ISLAM** dan prinsip-prinsip **AMANAH, INTEGRITI, KETELUSAN, TADBIR URUS SERTA AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN TERBAIK**.
30. **AKAUN SEMASA QARD BERNOMBOR 0501-2010-1002-35** milik **BKM** disusun dalam **EMPAT (4) AKAUN KECIL** berikut secara **EKSLUSIF** dan **TIDAK BERCAMPUR ADUK** untuk menerima **SUMBANGAN KHAIRAT** dan **INFAQ, SUMBANGAN, DIVIDEN PELABURAN DAN APA-APA SUMBANGAN ATAU PENDAPATAN**:
 - (i) **SUMBANGAN KHAIRAT BKM:** Bagi menerima **SUMBANGAN KHAIRAT** dan **YURAN PENDAFTARAN DISEPADUKAN** daripada Kluster

- KAMPUNG GEBOK, Kluster BAYU LAKEHOMES dan
Kluster TAMAN SURIAN;
- (ii) SUMBANGAN KHAIRAT BKL: Bagi menerima **SUMBANGAN KHAIRAT** dan **YURAN PENDAFTARAN DISEPADUKAN** daripada Kluster **SRI PALMA VILLA**, Kluster **SRI JASMIN APARTMENT** dan Kluster **DAMAI RIA APARTMENT**;
- (iii) INFAQ BKM: Bagi menerima **INFAQ, DIVIDEN PELABURAN DAN APA-APA SUMBANGAN ATAU PENDAPATAN DISEPADUKAN** daripada Kluster **KAMPUNG GEBOK**, Kluster **BAYU LAKEHOMES** dan Kluster **TAMAN SURIAN**; dan
- (iv) INFAQ BKL: Bagi menerima **INFAQ, DIVIDEN PELABURAN DAN APA-APA SUMBANGAN ATAU PENDAPATAN DISEPADUKAN** daripada Kluster **SRI PALMA VILLA**, Kluster **SRI JASMIN APARTMENT** dan Kluster **DAMAI RIA APARTMENT**.

31. **AKAUN KECIL SUMBANGAN KHAIRAT TERMASUK YURAN PENDAFTARAN** digunakan semata-mata untuk membayar **MANFAAT KHAIRAT**.
32. **AKAUN KECIL INFAQ, DIVIDEN PELABURAN DAN APA-APA SUMBANGAN ATAU PENDAPATAN** pula digunakan untuk **PERBELANJAAN OPERASI** termasuk belanja **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN BKM DAN BKL, VAN JENAZAH, TANAH PERKUBURAN, PERALATAN PENGURUSAN KEMATIAN DAN PUSARA SERTA KEBAJIKAN TEAM PENGURUSAN JENAZAH**.
33. **BENDAHARI BKM** dikehendaki menyedia dan memaparkan **PENYATA KEWANGAN BKM SETIAP BULAN** di **PAPAN KENYATAAN MASJID NURUL IMAN** SEBELUM BERAKHIR BULAN BERIKUTNYA.
34. **BENDAHARI BKM** juga dibenarkan berkongsi **PENYATA KEWANGAN BKM** dengan **AHLI BERDAFTAR** pada bila-bila masa dan melalui apa-apa medium yang difikirkan sesuai.

G. KLAUSA PEMBOLEH

35. **PERATURAN 2.0 2025 (PINDAAN) PENGURUSAN BADAN KHAIRAT MASJID NURUL IMAN KARIAH KAMPUNG GEBOK, MANTIN, NEGERI SEMBILANINI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA**

DENGAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KEMATIAN DAN JENAZAH
AHLI KARIAH KAMPUNG GEBOK YANG DIKELUARKAN PADA 24 NOVEMBER 2023.

RAYUAN

HUKUM MENGURUS JENAZAH ORANG ISLAM ADALAH FARDHU KIFAYAH. ADA EMPAT KEWAJIBAN SEORANG MUSLIM TERHADAP SAUDARANYA YANG MENINGGAL DUNIA IAITU MEMANDIKAN, MENGKAFAN, MENUNAIKAN SOLAT DAN MENGKEBUMIKAN JENAZAH. WARIS DAN AHLI KELUARGA ARWAH DAN WAKIL KLUSTER ADALAH DIMINTA UNTUK BERSAMA MELAKSANA EMPAT KEWAJIPANINI DENGAN PENTADBIR DAN PEGAWAI MASJID / SURAU DAN BADAN KHAIRAT MASING-MASING DAN TIDAK MENYERAH PENGURUSAN JENAZAH BULAT-BULAT KEPADA MANA-MANA PIHAK. SEMANGAT KESUKARELAWAN YANG TINGGI LAGI IKHLAS UNTUK MENYUMBANG KEPADA MASYARAKAT MENJADI UKURAN TENTANG SIFAT KEMANUSIAAN YANG ADA DALAM DIRI DAN INSTITUSI KITA TERMASUK MASJID, SURAU, PERSATUAN PENDUDUK SERTA BADAN KHAIRAT.

PERATURAN 2.0 2025 (PINDAAN) PENGURUSAN BADAN KHAIRAT MASJID NURUL IMAN KARIAH KAMPUNG GEBOK, MANTIN, NEGERI SEMBILAN BERTARIKH 2 MEI 2025INI TELAH DIPUTUSKAN DI MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KARIAH MASJID NURUL IMAN NO. 2 - 2025 PADA TARikh YANG SAMA DAN DENGAN ITU MEMANSUHKAN GARIS PANDUAN SEBELUMINI.

